



## KENYATAAN MEDIA

### DATUK AZRULNIZAM BIN ABDUL AZIZ DILANTIK SEBAGAI PENGERUSI BAHARU PR1MA

---

**PETALING JAYA, 24 Mac 2023** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) mengumumkan pelantikan YBhg. Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz sebagai Pengerusi PR1MA yang baharu berkuat kuasa 16 Mac 2023 menggantikan YBhg. Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya.

YBhg. Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz memiliki Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perniagaan Antarabangsa daripada Universiti Hartford, Connecticut, USA dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam Pemasaran daripada Universiti Wichita State, Kansas, USA. Beliau juga telah menjalani Program Kepimpinan di Universiti Oxford, United Kingdom; Pendidikan Eksekutif di Harvard Business School, Amerika Syarikat dan merupakan Ahli Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam.

Berbekalkan lebih 25 tahun pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan, beliau pernah menggalas jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Al Rajhi Banking & Investment Corporation Malaysia Berhad dan Ketua Pegawai Eksekutif, Standard Chartered Sa'adiq Berhad. Selain itu, YBhg. Datuk Azrulnizam pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Pelaburan MARA Berhad dan Penasihat Kewangan Strategik Kumpulan, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Ketika ini, YBhg. Datuk Azrulnizam berkhidmat sebagai Pengarah Bebas di MBSB Bank, AmMetlife Takaful dan Thriven Global Berhad. Atas kapasiti peribadi, beliau adalah Pengarah CR FinaCapital Sdn Bhd dan Petrowangsa Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff berkata “Saya bagi pihak warga kerja PR1MA mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Azrulnizam atas pelantikan sebagai Pengerusi dan mengalu-alukan kedatangan beliau ke PR1MA. Kami yakin beliau akan dapat memacu PR1MA dalam memenuhi aspirasi dan mandat Kerajaan, khususnya penyediaan kediaman mampu milik yang berkualiti”.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---



## **KENYATAAN MEDIA**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

### **Perspective Strategies**

Edna Zacharias (edna.zacharias@perspective.com.my/ +6016-3554758)

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)